

22 DEC 1997

Mahkamah - EIA (Bergambar)

PEMAJU UKAY PERDANA DIDENDA RM20,000

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Syarikat pemaaju projek perumahan Ukay Perdana hari ini didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini setelah mengaku bersalah terhadap satu tuduhan melanggar peraturan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Hakim Hue Siew Kheng membuat keputusan itu setelah mengambil kira rayuan peguam Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Ikatan Rapi Sdn Bhd yang meminta denda dikurangkan kerana itu adalah kesalahan pertama syarikat berkenaan.

Pengarah syarikat itu, Suhaimy Husin, mengaku melanggar syarat No. 12 syarat kelulusan EIA iaitu kandungan pepejal terampai (SS) adalah 100 mg/l iaitu melebihi 50 mg/l yang telah ditetapkan.

Ikatan Rapi, milik Capital Advance Consolidated Sdn Bhd, anak syarikat Larut Consolidated Bhd, melakukan kesalahan itu di Lot 13431 Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor pada pukul 12 tengahari, 20 Jan lepas.

Pada 6 Jun, syarikat itu mengaku tidak bersalah terhadap tiga tuduhan gagal mengemukakan bukti bahawa tiga syarat bersabit yang disertakan dalam laporan dipatuhi di tapak projek.

Syarat-syarat itu antaranya ialah berhubung dengan topografi tapak projek, penebangan pokok dan cerun yang terdedah.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk melepas tanpa membebaskan syarikat itu dari dua pertuduhan lain.

Mengikut fakta kes, setelah Jabatan Alam Sekitar Selangor menerima aduan mengenai masalah penebangan pokok di tanah tinggi dan masalah kelodakan tanah merah, satu siasatan telah dijalankan di tapak projek milik Ikatan Rapi.

Dalam siasatan itu, satu contoh air kolam perangkap mendap telah diambil untuk mengetahui kandungan pepejal terampai dan analisa yang dijalankan menunjukkan bahawa kepekatan pepejal terampai melebihi tahap yang dibenarkan.

Ketika meminta hukuman ringan, Muhammad Shafee berkata kes ini telah menyebabkan syarikat itu mengalami kerugian hampir RM1 juta kerana terpaksa menanggungkan projeknya selama lima bulan.

Sementara itu, Timbalan Pendakwaraya, Hasila Awang, memohon mahkamah mengenakan hukuman yang berat kerana ia membawa implikasi yang serius terhadap alam sekitar dan hukuman itu boleh menjadi contoh kepada pemaaju projek yang lain.

Pemaaju berkenaan dituduh mengikut Seksyen 34A(7) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996) yang membawa hukuman maksimum denda RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kemerosotan alam sekitar di tapak projek itu dibangkitkan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesan bukit yang botak di tapak projek itu dari sebuah helikopter.

Kabinet kemudian mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyiasat pembersihan kawasan tanah di situ.

Mahkamah memberi tempoh sehingga esok untuk syarikat itu membayar denda. -- BERNAMA

KLS WAT